



# SNNi salurkan maklumat seimbang — PM

UM 22 AUG 2001

KAMPALA (Uganda) 21 Ogos — Smart News Network International (SNNi) yang dilancarkan semalam, mempunyai peranan penting dalam penyaluran maklumat seimbang mengenai negara-negara membangun berbanding media asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dengan kewujudan kemudahan berkenaan, beliau berkata, kini terserah kepada para wartawan untuk memecahkan monopoli organisasi media asing yang dikuasai oleh pihak asing.

"Ini (usaha menubuhkan SNNi) merupakan sesuatu yang menakjubkan. Ia juga adalah hasil nyata (ekoran dialog konsep perkongsian bestari)," kata beliau pada sidang akhbar selepas majlis Makan Malam Perkongsian Bestari Munyonyo di sini.

"Sebagaimana anda juga mengetahuinya, pihak media asing tidak begitu mesra dengan mereka (pemimpin negara-negara Afrika).

"Berita-berita yang disiarkan dari sini, tiada yang baik dilaporkan mengenai Afrika. Sudah tentu keadaan yang sama boleh dikatakan mengenai Malaysia. Bagaimanapun Malaysia ada sedikit kelebihan, dan berjaya menarik orang luar datang ke Malaysia. Orang luar tahu mengenai Malaysia.

"Tetapi berapa ramai daripada anda akan datang ke Uganda? Kecuali untuk menghadiri dialog ini. Bila anda datang ke sini, anda mendapati negara ini cantik, tasik yang menarik. Unsur-unsur ini perlu didedahkan kepada dunia," katanya.

Oleh itu, menurut beliau, kewujudan SNNi seharusnya membolehkan pertukaran maklumat yang dihasil-

kan dari negara yang menjadi bahan sesuatu berita.

Pada majlis itu, beliau bersama Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni melancarkan SNNi yang merupakan portal berita yang boleh digunakan oleh negara-negara peserta Global 2001 (SAID/LID).

SNNi yang dibentuk sebagai satu saluran yang menyebarkan berita seimbang dan sebagai saluran tambahan kepada agensi berita asing yang sedia ada, dianggotai oleh lapan organisasi media pada peringkat awal.

Empat daripada lapan organisasi berkenaan ialah dari Malaysia iaitu Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Kumpulan New Straits Times, Star Publications (M) Berhad dan Kumpulan Utusan.

Organisasi dari negara Afrika yang turut sama ialah Agensi Berita Mozambique, Mozambique; New Vision dari Uganda, Buanews, Afrika Selatan dan The Herald, Zimbabwe.

Beberapa organisasi lain seperti Seychelles Nation, Seychelles; Namibia Today, Namibia juga mengatakan komitmen untuk memberi sumbangan.

Setiap organisasi media akan membekalkan dua berita masing-masing setiap hari untuk kegunaan bersama. Ia dijangka diperluaskan kepada media elektronik tidak lama lagi.

Mengulas lanjut mengenai SNNi, Dr. Mahathir berkata, laporan-laporan yang dibekalkan menerusi SNNi bukan sahaja berperanan mempromosikan keadaan sesebuah negara, ia juga seharusnya mempunyai kredibiliti. — *Utusan*